

# Tun M akan tulis surat kepada Jokowi

**JOHOR BAHRU 12 Sept.** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menulis surat rasmi kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo berhubung isu jerebu merentasi sempadan ini yang dilihat semakin meruncing.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, surat itu bagi menarik perhatian pemimpin negara itu untuk menangani isu pencemaran cuaca yang semakin serius.

Katanya, pihaknya juga sudah

mengadakan pertemuan dengan wakil Duta Indonesia ke Malaysia bagi membincangkan perkara tersebut dan mendapat kerjasama baik daripada pihak mereka.

"Perdana Menteri bersetuju menulis surat rasmi kepada Presiden Indonesia berkenaan isu jerebu merentasi sempadan yang semakin membimbangkan dis-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

ebabkan pembakaran hutan di republik itu.

"Saya harap kerajaan Indonesia mengambil tanggungjawab dengan menggerakkan ada mereka menangani kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera," katanya selepas penutupan Hari Inovasi Kejuruteraan-Indus-

tri Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini hari ini.